

ANALISIS PERBELANJAAN PERKAHWINAN MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM

ANALYSIS OF MUSLIM AND NON-MUSLIM MARRIAGE EXPENDITURE

Fatimah-Salwa Abd. Hadi^{1*}, Mohd Yahya Mohd Hussin², Fidlizan Muhammad³, Azila Abdul Razak⁴, Nurhanie Mahjom⁵, Choong Foon Yin⁶ & Mohamad Azahari Ahmad⁷

1, 2, 3, 4, 5, 6 Faculti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my

⁷Ketua, Unit Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan Syariah & Pembangunan Angkasa, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.

Accepted date: 9 October 2017

Published date: 28 December 2017

To cite this document:

Abd Hadi, F.-S., Mohd Hussin, M. Y., Muhammad, F., Abdul Razak, A., Mahjom, N., Yin, C. F., & Ahmad, M. A. (2017). Analisis Perbelanjaan Perkahwinan Muslim dan Bukan Muslim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 46-55.

Abstrak: Meskipun perkahwinan memberi banyak kelebihan dan manfaat, pembinaannya dilihat semakin sukar lebih-lebih lagi apabila menyentuh aspek perbelanjaan. Terdapat banyak kajian semasa yang membahaskan isu tersebut dan membuat kesimpulan bahawa kadar perbelanjaan perkahwinan golongan muda yang beragama Islam adalah tinggi dan sentiasa meningkat. Disebabkan Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang kaum, objektif utama kajian ini adalah untuk membandingkan perbelanjaan perkahwinan Muslim dan bukan Muslim. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sumber kewangan yang digunakan untuk membiayai majlis perkahwinan pasangan yang berkahwin di usia muda tidak kira sama ada Muslim atau bukan Muslim. Sehubungan dengan itu, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data yang diperlukan. Dengan menggunakan teknik pensampelan bola saji (snowball), kajian ini hanya melibatkan responden lelaki (Muslim=115; Bukan Muslim=121) yang melangsungkan perkahwinan pada tahun 2017 di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Melalui analisis deskriptif yang dilakukan, kajian mendapati perbelanjaan perkahwinan Muslim dan bukan Muslim secara keseluruhan adalah tinggi. Namun begitu, nilai purata keseluruhan perbelanjaan perkahwinan Muslim adalah lebih rendah daripada bukan Muslim. Beberapa cadangan turut diketengahkan di akhir bahagian kajian untuk rujukan kajian-kajian akan datang.

Kata Kunci: Perbelanjaan perkahwinan; Muslim; bukan Muslim

Abstract: While marriages provide many advantages and benefits, the construction is seen to be

increasingly difficult especially when it comes to aspects of spending. There are many current studies that debate the issue and conclude that the rate of marriage of young Muslims in Islam is high and constantly increasing. As Malaysia has a multi-racial society, the main objective of this study is to compare Muslim and non-Muslim marriage expenses. In addition, this study also aims to determine the financial resources used to finance married couples who are married at a young age regardless of whether Muslim or non-Muslim. Accordingly, a questionnaire was used as a research instrument to obtain the required data. Using snowballs sampling technique, this study only involves male respondents (Muslim = 115; Non Muslims = 121) who are married in 2017 around Kuala Lumpur and Selangor. Through descriptive analysis, the study found that Muslim and non-Muslim marriage expenses as a whole were high. However, the average value of Muslim marriage spending is lower than non Muslims. Some suggestions are also highlighted at the end of the study section for reference of future studies.

Keywords: *Wedding expenses; Muslim; non Muslims*

Pengenalan

Perkahwinan secara umumnya didefinisikan sebagai satu ikatan lahir dan batin antara seorang lelaki dan perempuan dalam sebuah rumah tangga. Ia bukan sahaja dapat menyempurnakan keperluan jasmani dan rohani, bahkan membolehkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan seperti mana yang dikehendaki oleh syarak. Melaluinya, manusia bukan sahaja memperoleh ketenangan dan kebahagiaan, bahkan dapat melahirkan anak-anak secara sah dari segi undang-undang dan agama (Abd. Rahim, Sufean & Jamaludin, 2006).

Meskipun mempunyai kelebihan dan faedah yang banyak, perkahwinan pada masa kini dilihat sebagai perkara yang sukar dilaksanakan terutamanya kepada golongan muda rentetan daripada kos perbelanjaannya yang tinggi. Trend masa kini menunjukkan bahawa kebanyakan golongan tersebut memilih untuk berkahwin pada usia yang lewat disebabkan oleh permasalahan tersebut (Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak, 2016). Selain itu, terdapat juga golongan muda yang memilih untuk tidak berkahwin dan terjerumus dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti seks dan pergaulan bebas.

Perbelanjaan perkahwinan yang tinggi dan di luar kemampuan menyebabkan golongan muda pada masa kini cenderung untuk mendapatkan pembiayaan tidak kira sama ada daripada pihak bank mahupun bukan bank. Keadaan ini terjadi bagi membolehkan mereka mengadakan majlis perkahwinan seperti mana yang diinginkan. Kesannya, situasi tersebut bukan sahaja menyebabkan mereka mempunyai kadar hutang yang tinggi di usia muda, bahkan turut menyebabkan berlakunya peningkatan kadar perceraian disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan kewangan selepas berkahwin (Mat Noor, 2016).

Menurut Bloch, Rao & Desai (2004), di antara faktor yang menyebabkan pengantin mahupun pihak keluarga melangsungkan majlis perkahwinan secara besar-besaran adalah disebabkan oleh status sosial keluarga yang tinggi berbanding yang lain dalam ruang lingkup masyarakat yang didiami. Selain daripada itu, Boden (2003) pula menjelaskan bahawa sebab lain pihak pengantin mahukan majlis perkahwinan yang hebat dan semestinya menelan jumlah perbelanjaan yang tinggi semata-mata mahu menjadikannya kenangan atau ingatan sepanjang kehidupan.

Meskipun Raihanah, Khairun Najmi & Raihana (2009) Nora Abdul Haq (2012) dan Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2016) menyimpulkan bahawa jumlah perbelanjaan perkahwinan masyarakat pada masa kini adalah tinggi, tiada kajian yang berbentuk empirikal berkaitan

jumlah sebenar perbelanjaan yang ditanggung oleh pasangan yang berkahwin khususnya golongan muda Muslim. Di sebabkan Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang kaum, objektif utama kajian ini adalah untuk membandingkan perbelanjaan perkahwinan golongan Muslim dan bukan Muslim. Pemilihan tersebut secara rasionalnya dapat melihat kadar perbelanjaan perkahwinan yang telah dibelanjakan oleh kedua-dua kumpulan yang dikaji. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk menentukan sumber kewangan yang digunakan untuk membiayai majlis perkahwinan pasangan yang berkahwin tidak kira sama ada Muslim atau bukan Muslim.

Sorotan Literatur

Isu kadar perbelanjaan perkahwinan yang semakin meningkat terus menjadi fokus perbincangan masyarakat pada masa kini. Namun begitu, penyelidikan sedia ada terhadap isu tersebut masih sedikit dan kebanyakannya hanya tertumpu pada konsep dan hukum berkaitan perbelanjaan perkahwinan seperti mas kahwin. Ini termasuklah kajian Syh Noorul Madihah, Raihanah dan Asmak (2014) yang membahaskan tentang *al-Taysir* dalam perbelanjaan perkahwinan Islam. Menerusi analisis teks dan dokumen yang berkaitan, kajian tersebut menyimpulkan bahawa konsep yang diketengahkan sememangnya wujud dalam perbelanjaan perkahwinan Islam.

Dalam kajian mereka yang lain, Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2014) menyimpulkan bahawa perbelanjaan yang wajib dalam Islam hanyalah mas kahwin iaitu pemberian wajib daripada suami kepada isteri. Di samping itu, Islam turut mensyariatkan majlis walimah al-urus sebagai cara menghebahkan perkahwinan kepada orang ramai. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa kos mendirikan rumah tangga adalah rendah, mudah dan tidak membebankan kepada bakal pengantin dan keluarga sekiranya dilaksanakan seperti mana yang digariskan oleh Islam.

Selain daripada itu, kajian Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2016) juga turut menyetengahkan konsep perbelanjaan perkahwinan Rasulullah. Melalui analisis kualitatif, empat corak perbelanjaan dikenal pasti telah diamalkan oleh Rasulullah. Pertama: perbelanjaan kepada perkara-perkara yang bermanfaat, kedua: perbelanjaan mengikut kemampuan, ketiga: perbelanjaan sederhana, keempat: perbelanjaan secara kerjasama.

Berbeza dengan kajian sedia ada, Francis-Tan & Mialon (2015) telah menjalankan kajian berkenaan perbelanjaan perkahwinan secara kuantitatif. Tujuan utama kajian adalah mengkaji hubungan di antara perbelanjaan perkahwinan dengan tempoh perkahwinan. Sampel kajian terdiri daripada 3,370 orang penduduk Amerika Syarikat dewasa yang pernah berkahwin dengan berlainan jantina. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan perkahwinan yang tinggi menghasilkan perkahwinan yang positif dan bertahan lebih lama. Manakala perkahwinan yang menelan belanja yang sedikit menghasilkan perkahwinan yang negatif dan tidak bertahan lama. Meskipun begitu, persediaan pasangan melayari kehidupan selepas berkahwin patut diberi penumpuan bagi menyokong dapatan tersebut.

Selain itu, Fatimah Salwa *et. al* (2016) turut menjalankan kajian yang berbentuk kuantitatif berkaitan dengan perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan. Menerusi kajian tersebut, perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam telah dibincangkan, Ini termasuklah mas kahwin, walimah al-urus, dan elemen-elemen sampingan yang lain. Selain itu, nilai keseluruhan perbelanjaan perkahwinan turut dikenal pasti. Nilai purata keseluruhan adalah RM52,446 dengan nilai minimum RM37,907 dan maksimum RM150,500. Kajian ini menyimpulkan

bahawa kadar perbelanjaan perkahwinan pada masa kini adalah tinggi dan terus meningkat dari masa ke masa. Di samping itu, graduan didapati membuat pinjaman daripada pihak bank dan bukan bank bagi mendapatkan kewangan yang secukupnya untuk membiayai majlis perkahwinan seperti yang diidamkan.

Selanjutnya, meskipun terdapat kajian kualitatif dan kuantitatif yang memberi fokus tentang perbelanjaan perkahwinan Muslim, perbandingan dengan golongan bukan Muslim tidak pernah dilaksanakan. Selain dapat melihat trend perbelanjaan perkahwinan di Malaysia dengan mengambil kira masyarakat majmuk yang berbilang kaum, kajian ini juga dijangka dapat menentukan sumber kewangan yang digunakan untuk membiayai majlis perkahwinan tidak kira sama ada yang Muslim dan bukan Muslim.

Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi menganalisis perbezaan perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim. Sehubungan dengan itu, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi memperoleh maklumat yang diperlukan. Dari segi pensampelan, kajian ini hanya melibatkan responden lelaki yang melangsungkan perkahwinan pada tahun 2017 di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Seramai 115 Muslim dan 121 bukan Muslim dipilih sebagai responden dengan menggunakan teknik pensampelan bola saji (*snowball*). Maklumat yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif termasuklah nilai min, minimum dan maksimum.

Dapatan Kajian

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Ini termasuklah profil responden, perbelanjaan perkahwinan Muslim dan bukan Muslim dan juga sumber perbelanjaan perkahwinan yang diperolehi bagi membiayai majlis perkahwinan.

Profil Responden

Jadual di bawah menunjukkan maklumat responden yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. 115 orang responden beragama Islam manakala 121 lagi beragama selain Islam dan menjadikan jumlah keseluruhan responden sebanyak 236 orang. Kesemua responden adalah lelaki dan melangsungkan perkahwinan buat kali pertama pada tahun 2017 di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Jadual 1: Maklumat Responden Kajian

| Profil Responden | Keterangan | Muslim N= 115 | Bukan Muslim N= 121 |
|----------------------|----------------------|------------------|------------------------|
| Pendidikan Tertinggi | Sarjana Muda Sarjana | 87 (75.65) | 76 (62.81) |
| | Doktor Falsafah | 21 (18.26) | 34 (28.10) |
| | | 7 (6.09) | 11 (9.09) |
| Umur | 21 – 25 tahun | 33 (28.70) | 24 (19.83) |
| | 26 – 30 tahun | 69 (60.00) | 79 (65.29) |
| | 31 – 35 tahun | 13 (11.30) | 18 (14.88) |

| | | | |
|-----------------------------|-------------------|------------|------------|
| Pekerjaan | Kerajaan | 34 (29.57) | 25 (20.66) |
| | Swasta | 39 (33.91) | 46 (38.02) |
| | Sendiri | 42 (36.52) | 50 (41.32) |
| Pendapatan bersih (bulanan) | RM1,001 – RM2,000 | 12 (10.43) | 16 (13.22) |
| | RM2,001 – RM3,000 | 24 (20.87) | 29 (23.97) |
| | RM3,001 – RM4,000 | 59 (51.30) | 47 (38.84) |
| | RM4,001 – RM5,000 | 11 (9.57) | 18 (14.88) |
| | ≥ RM5,001 | 9 (7.83) | 11 (9.09) |
| Simpanan (bulanan) | None | 32 (27.83) | 45 (37.19) |
| | RM100 – RM200 | 45 (39.13) | 25 (20.66) |
| | RM201 – RM300 | 23 (20.00) | 12 (9.92) |
| | RM301 – RM400 | 9 (7.83) | 23 (19.01) |
| | ≥ RM401 | 6 (5.22) | 16 (13.22) |

Nota: () nilai peratus

Berdasarkan tahap pendidikan, lebih 60 peratus responden Muslim dan bukan Muslim mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan hanya sebilangan kecil di peringkat doktor falsafah iaitu kurang daripada 10 peratus daripada kedua-dua kumpulan. Selain itu, majoriti responden Muslim dan bukan Muslim (lebih 60 peratus) melangsungkan perkahwinan dalam usia 26 sehingga 30 tahun. Faktor mencari pekerjaan yang sesuai selepas menamatkan pengajian mendorong berlakunya fenomena tersebut. Hanya sebilangan kecil yang mendirikan rumah tangga di sekitar umur 31 hingga 35 tahun iaitu 11.3 peratus bagi responden Muslim dan 14.88 peratus bagi responden bukan Muslim. Selanjutnya, sebilangan besar responden Muslim (70.42 peratus) dan bukan Muslim (79.31 peratus) bekerja di sektor swasta dan juga bekerja sendiri seperti menjalankan perniagaan.

Bagi responden Muslim, lebih 50 peratus mempunyai pendapatan bersih bulanan di sekitar RM3,001 hingga RM4,000 dan hanya sejumlah kecil (7.83 peratus) mencapai sekurang-kurangnya RM5,001. Dalam hal ini, seramai 47 responden bukan Muslim memperoleh pendapatan bersih bulanan di antara RM3,001 hingga RM4,000 dan hampir 10 peratus daripada mereka mempunyai pendapatan bersih melebihi RM5,000. Responden secara umumnya disifatkan mempunyai pendapatan yang tinggi disebabkan oleh tahap pendidikan dan kemahiran yang dimiliki.

Meskipun begitu, terdapat sebilangan responden Muslim (27.83 peratus) dan bukan Muslim (37.19 peratus) tidak mempunyai simpanan bulanan. Kebanyakan mereka (Muslim=39.13 peratus dan bukan Muslim=20.66 peratus) hanya berkemampuan untuk membuat simpanan yang bernilai RM100 hingga RM200. Selain faktor kos hidup yang tinggi, pengurusan kewangan yang lemah turut mendorong terjadinya keadaan tersebut.

Perbelanjaan Perkahwinan Muslim dan Bukan Muslim

Bagi menganalisis perbezaan perbelanjaan perkahwinan di antara responden Muslim dan bukan Muslim, kajian ini membahagikan kadar perbelanjaan berdasarkan empat peringkat iaitu pra perkahwinan, majlis perkahwinan, pasca perkahwinan dan keseluruhan. Analisis statistik yang terlibat bagi menentukan kadar perbelanjaan hanyalah nilai min, minimum dan maksimum bagi keempat-empat peringkat.

Berdasarkan jadual 2 di bawah, responden Muslim secara purata membelanjakan RM6,000 dengan nilai minimum dan maksimum RM3,000 dan RM15,650 di peringkat pra perkahwinan. Pada peringkat ini, responden mengadakan majlis merisik dan pertunangan. Di antara aspek-aspek perbelanjaan termasuklah pakaian pertunangan, kek pertunangan, hantaran pertunangan, barang kemas, jamuan makan, khidmat juru andam dan juru gambar, kursus perkahwinan, pemeriksaan kesihatan serta lain-lain. Sementara itu, secara purata responden bukan Muslim membelanjakan RM12,350 dengan nilai minimum dan maksimum bersamaan RM7,500 dan RM21,500. Di antara aspek-aspek perbelanjaan di peringkat ini termasuklah cincin pertunangan, jamuan majlis pertunangan, *single night*, kaunseling perkahwinan, pendaftaran perkahwinan, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya.

Jadual 2: Analisis Perbelanjaan Perkahwinan Di antara Muslim dan Bukan Muslim

| Peringkat | Ukuran Statistik | Muslim N=115 | Bukan Muslim N=121 |
|--------------------|------------------|-----------------|-----------------------|
| Pra Perkahwinan | Min | RM6,000 | RM12,350 |
| | Minimum | RM3,000 | RM7,500 |
| | Maksimum | RM15,650 | RM21,500 |
| Majlis Perkahwinan | Min | RM31,500 | RM26,550 |
| | Minimum | RM16,450 | RM12,050 |
| | Maksimum | RM105,000 | RM210,000 |
| Pasca Perkahwinan | Min | RM12,375 | RM33,330 |
| | Minimum | RM5,000 | RM10,000 |
| | Maksimum | RM25,000 | RM55,550 |
| Keseluruhan | Min | RM47,572 | RM55,704 |
| | Minimum | RM30,000 | RM25,430 |
| | Maksimum | RM152,500 | RM250,000 |

Seterusnya, nilai perbelanjaan majlis perkahwinan responden Muslim dan bukan Muslim adalah lebih berbanding pra dan pasca perkahwinan. Secara purata, perbelanjaan responden Muslim adalah lebih tinggi daripada bukan Muslim iaitu RM31,500 berbanding hanya RM26,550. Namun, nilai maksimum perbelanjaan perkahwinan responden Muslim adalah lebih rendah (RM105,000) berbanding bukan Muslim (RM210,000). Aspek-aspek perbelanjaan responden Muslim merangkumi jamuan makan, pelamin, kanopi, sewaan dewan, juru gambar, juru solek, juru hebah, pakaian pengantin, pakaian keluarga pengantin, pakaian pengiring, kad jemputan, hiasan rumah, sewaan dewan atau hotel, hiasan bilik pengantin, wang hantaran, barangan hantaran, barang kemas, upah kadi dan saksi, cenderahati (*door gift*) dan sebagainya.

Sementara itu, aspek-aspek yang dibelanjakan oleh responden bukan Muslim di peringkat ini termasuklah jamuan makan, wang hantaran, perabot perkahwinan, barang kemas, *wedding eve*, juru gambar, juru solek, juru hebah, percubaan hidangan sebelum majlis perkahwinan, bahan sembahyang, pakaian pengantin, pakaian keluarga pengantin, pakaian pengiring pengantin, pakaian pendaftar perkahwinan, pengangkutan bagi saudara mara, sewaan dewan atau hotel, cenderahati (*door gift*) dan sebagainya. Selanjutnya, nilai purata bagi perbelanjaan perkahwinan bagi responden bukan Muslim (RM33,330) juga lebih tinggi daripada yang Muslim (RM12,375). Fenomena tersebut terjadi kerana dipengaruhi oleh minat responden bukan Muslim yang memilih untuk berbulan madu di luar negara berbanding Muslim. Selain pakej bulan madu, aspek perbelanjaan yang terkandung dalam peringkat ini termasuklah pakej penggambaran pasca perkahwinan, jamuan selepas majlis perkahwinan dan sebagainya.

Secara keseluruhan, nilai minimum dan maksimum perbelanjaan perkahwinan responden Muslim adalah RM30,000 dan RM152,500 manakala nilai min pula adalah sebanyak RM47,572. Sementara itu, RM25,430 dan RM250,000 merupakan nilai perbelanjaan perkahwinan minimum dan maksimum bagi responden yang bukan Muslim. Secara purata, sebanyak RM55,704 telah dibelanjakan oleh responden dalam kumpulan ini yang meliputi keseluruhan aspek seperti mana yang telah dibincangkan sebelumnya.

Sumber Perbelanjaan Perkahwinan Muslim dan Bukan Muslim

Bagi melaksanakan majlis perkahwinan seperti mana yang diimpikan, terdapat pelbagai sumber kewangan utama (80 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan perkahwinan) yang telah digunakan oleh pengantin seperti mana yang terkandung dalam jadual 3 di bawah. Bagi responden Muslim, lebih 75 peratus mendapatkan pembiayaan daripada perbankan Islam dan konvensional. Manakala hampir 16 peratus daripada mereka berkongsi dengan pasangan masing-masing dan hanya sebilangan kecil (kurang daripada 3 peratus) menggunakan simpanan sedia ada. Selebihnya memperoleh sumber kewangan daripada tajaan, ibu bapa dan adik-beradik.

Jadual 3: Sumber Perbelanjaan Perkahwinan Muslim dan Bukan Muslim

| Sumber | Muslim N=115 | Bukan Muslim N=121 |
|-----------------|---------------------|---------------------------|
| Tajaan | 1 (0.87) | 4 (3.31) |
| Pembiayaan bank | 87 (75.65) | 23 (19.01) |
| Simpanan | 3 (2.61) | 81 (66.94) |
| Ibu bapa | 4 (3.48) | 4 (3.31) |
| Adik-beradik | 2 (1.74) | 5(4.13) |
| Pasangan | 18 (15.65) | 4 (3.31) |

Berbeza dengan responden Muslim, hampir 70 peratus responden bukan Muslim menjadikan simpanan sebagai sumber kewangan utama dalam perbelanjaan perkahwinan. Ini diikuti oleh pembiayaan bank (hampir 20 peratus) dan selebihnya daripada ibu bapa, adik-beradik, pasangan dan juga tajaan. Bagi mengumpul sejumlah wang simpanan untuk digunakan untuk tujuan perkahwinan, kebanyakan responden bukan Muslim mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinan agak lewat (26 tahun hingga 30 tahun). Selain memastikan wang simpanan mereka mencukupi, masa yang ada digunakan untuk mengenali pasangan masing-masing dengan lebih mendalam.

Kesimpulan

Secara umumnya, perbelanjaan perkahwinan bagi golongan Muslim adalah tinggi meskipun secara purata lebih rendah berbanding golongan bukan Muslim. Meskipun begitu, Islam mengajarkan penganutnya untuk mengamalkan kesederhanaan dalam berbelanja dan mengikut kemampuan masing-masing. Selain daripada itu, setiap pasangan perlu menyiapkan diri dengan ilmu rumah tangga dengan baik termasuklah aspek pengurusan kewangan bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku seperti perceraian. Dari sudut yang lain, masyarakat Muslim seharusnya lebih bijak untuk memilih perbelanjaan perkahwinan yang wajar dibelanjakan dan bukannya terikut-ikut dengan trend berbelanja mewah tanpa kawalan.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan perkahwinan dari masa ke masa. Ini termasuklah peningkatan kadar kos hidup masa kini yang menyebabkan harga barangan perkahwinan juga meningkat, permintaan yang tinggi terhadap pakej-pakej

perkahwinan pada masa kini, kepuasan bagi pasangan yang berkahwin mahupun ahli keluarga pengantin, status atau kedudukan yang tinggi dalam masyarakat dan sebagainya. Justeru, golongan muda masa kini haruslah berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di kemudian hari.

Seperti simpanan untuk pendidikan, tabungan untuk membiayai majlis perkahwinan wajar dilakukan sejak awal lagi. Sehubungan dengan itu, pihak bank dan bukan bank seperti takaful wajar menawarkan skim tabungan perkahwinan kepada golongan muda. Hal ini bukan sahaja menggalakkan mereka membuat tabungan awal, bahkan dapat menjauhkan mereka daripada bebanan hutang yang melampau di usia muda.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah (2006). *Institusi Keluarga: Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, F. (2009). Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara Perkahwinan Melayu Bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, 97- 107.
- Ahmad Iman. (2010). *Adat Budaya*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise.
- Al-Asqalani, Ahmad Ibn Ali Ibn Hajr (2001). *Fath al-Bari bi al-Sharh Sahih al-Bukhari*, Jld.1, 6 & 9, Qaherah: Maktabah Misr.
- Al-Husayni, Taqy al-Din Abi Bakr Ibn Muhammad (t.t). *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisor*, Jld. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jaziri, Abd al-Rahman (1999). *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Jld. 4, Qaherah: Dar al-Manar.
- Al-Khatib al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jld. 4, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Malbariy, Z. a.-D.-A. (2008). *Fath al-Mu'ini*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Mutawalli, A. A. (2010). *al-Dawabit al-Qanuniyyah wa al-Shari'ah wa al-Mushkilat al-ilmiiyyah li al-Anwa'al-Hadithah li al-zawajwa al-Talaq*. Kaherah: Dar al- Kutub al-Hadith.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali (t.t). *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*, Jld. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Arshad, A. (2008). Kajian Persepsi, Kesedaran Dan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Program Hari Khas Jpa Bersama Pelanggan Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Azahari, R., Saripudin, K. N., & Abd Wahab, R. (2009). Hubungan di Antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang Dan Perak. *Jurnal Fiqh*, 6.
- Azrina Sobian (2007). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. MPH Group Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Bloch, F., Rao, V., & Desai, S. (2004). Wedding Celebrations As Conspicuous Consumption Signaling Social Status In Rural India. *Journal of Human Resources*, 39(3), 675-695.
- Boden, S. (2003). *Consumerism, Romance, and the Wedding Experience*. Barkeley: University of California Press.
- Chek, R. (2010). Konsep Perkahwinan Dalam Islam Dan Kristian: Kajian Perbandingan/Roziah binti Chek (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Dain, R. (2016, April 5). Wang Hantaran Hanya Adat. *Utusan Malaysia*.
- Djaja, T. (1980). *Tuntutan Perkahwinan dan Rumahtangga Islam*. Bandung: PT.Alma'arif.

- Diah, M. (2011). Corak Perbelanjaan Kad Kredit Islam Oleh Pelanggan Bank (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Dunya, S. A. (2013, Oktober 11). Trend Kahwin Lambat Belia Muslim. *Sinar Harian*. Ibn Qudamah (1997). *al-Mughni*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Julie Pallant (2005), *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data*. Australia: Allen & Unwind.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan (Buku 2)*, ed. ke- 2. Malaysia: McGraw Hill.
- Francis-Tan, A., & Mialon, H. M. (2015). "A Diamond Is Forever" And Other Fairy Tales: The Relationship Between Wedding Expenses And Marriage Duration. *Economic Inquiry*, 53(4), 1919-1930.
- Hassan, A. (2007). Kualitatif Atau Kuantitatif? Memahami Andaian Asas Yang Mendasari Penyelidikan Pendidikan. *Masalah Pendidikan*. 30 (1), 7-16.
- Heng, H. L. S., & Guan, A. T. K. (2007). Examining Malaysian household expenditure patterns on food-away-from-home. *Asian Journal of Agriculture and Development*, 3(1).
- Husin, S. N. M. S., Azahari, R., & Ab Rahman, A. (2014). Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam. *Jurnal Syariah*, 22(3).
- Johari, F. (2014). Agama Vs Adat: Perkara Apa Yang Tak Perlu Sebenarnya Dalam Perkahwinan? Retrieved April 5, 2016, from <http://says.com/my/seismik/share-agama-vs-adat-perkara-apa-yang-tak-perlu-sebenarnya-dalam-perkahwinan>
- Kasimin, A. (1989). Adat Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan. In A. Kasimin, *Adat Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan* (pp. 50- 51). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khalid, A. (2016, Mac 28). Wang hantaran tak cukup, bakal pengantin bertumbuk. *Utusan Online*.
- Kosmo. (2016, Mei 15). Pinjam RM85,000 untuk kahwin. *Kosmo*.
- Kosmo. (2016, Mei 15). Usah terikut trend hantaran tinggi. *Kosmo*.
- Mahadzir, S. (2009). *Adat Resam dan Makanan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: EL Publication Sdn. Bhd.
- Masud, J. (1982). Corak Perbelanjaan dan Pengurusan Di Kalangan Beberapa Keluarga Melayu dan Cina Di Wilayah Persekutuan. *Pertanika*, 5(1), 45-52.
- Maslih, K. (2014, Disember 8). Kenduri besar bawa padah. *Utusan Online*.
- Mat Noor Mat Zain (2016, Apr 3). Usah Ikut Trend Hantaran Tinggi. *Kosmo*.
- Muhammad 'Uqlah (2000). *Nizam al-Usrah fi al-Islam*, Jld. 1 & 2, Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Nora Abdul Haq (2012). Right of Women to Mahar (Dower) Under Islamic Law and Malaysian Family Law: Some Suggestion for Reform. *Journal of Islamic Law Review*, 8, 215-229.
- Nor Aini Idris (2000). *Teori Pertumbuhan & Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Konting, M.M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Methods in Educational Research)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paim, L., & Masud, J. (1983). Corak Perbelanjaan Pekerja-Pekerja Kilang Di Paroi, Seremban dan Sungai Way, Selangor. *Pertanika*, 6(1), 43-47.
- Rahman, H. A. (2010). *Pegangan Adat Turun Menurun*. Kuala Lumpur: Penerbit Sinar Cemerlang.
- Rahman, Z. A. (2007). *Mahar in Malaysia: The Law Revisited*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis (2014). *Analisis Data Kuantitatif*.

Kuala Lumpur: Kaisar Media Kreatif.

- Razak, M. I. M., Abidin, N. E., Yusof, M. A. M., Sakarji, S. R., & Nor, K. M. (2014). Spending Trends among Youth in Malaysia. *Journal of Economics and Development Studies*, 2(1), 277-288.
- Salleh, N. H. M., Othman, R., Hasim, M. S., & Jaafar, A. H. (2012). The Pattern and the Impact of Middle Eastern Tourist Spending on Malaysia's Economy. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 53-63.
- Salleh, N. (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, (30 (Special issue), 177-190.
- Shaari, N. A. (2014, Desimber 8). Perbelanjaan kahwin melampau membawa padah. *Utusan Online*.
- Sekhampu, T. J., & Niyimbanira, F. (2013). Analysis of the factors influencing household expenditure in a South African Township. *The International Business & Economics Research Journal*, 12(3), 279.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman (2016), Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin* (43).
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab. Rahman (2016). Perbelanjaan Perkahwinan Bagi Masyarakat Muslim: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*, 13, 23-56.
- Taib, M., Harlina, F., & Abdul Latif, A. (2008). Hubungan Tingkah Laku Kesianan Pensyarah Dengan tahap Motivasi Pelajar (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Tajdid, A. (2013, September 22). Jumlah lelaki melebihi wanita di Malaysia. *Harakahdaily*.
- Yusoff, Z. M. (2008). Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (1).
- Zakaria, M. Q. (2011). Hantaran Sepadan Kos Belanja Kahwin. *Utusan Malaysia*.
- Zaydan, Abd al-Karim (1994). *al-Mufasssal fi Ahkam al-mar'ah wa al-bayt al-Muslim*, Jld. 6, Beirut: Muassasah al-Risalah.